

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 24.3.2015

SOALAN :

Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapakah permohonan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra untuk menaik taraf ke kolej universiti masih belum diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, terdapat kriteria yang perlu dipenuhi oleh sesebuah institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) sebelum dipertimbangkan untuk dinaik taraf daripada status bertaraf kolej ke kolej universiti iaitu daripada segi kedudukan kewangannya, tadbir urus, sistem pengurusan akademik, kursus yang ditawarkan, sistem jaminan kualiti, premis, pengurusan hal ehwal dan kebajikan pelajar serta kualiti tenaga pengajar. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) masih belum bersedia untuk dinaik taraf ke kolej universiti kerana terdapat kriteria naik taraf yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih belum dipenuhi. Walau bagaimanapun, KPM akan sentiasa membantu dan memberi kerjasama kepada KIAS dalam usaha untuk menaik taraf institusi tersebut kepada sebuah IPTS bertaraf kolej universiti.